

KSN teliti kod etika pakaian di fasiliti kesihatan, keselamatan

Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha Negara (KSN) akan meneliti cadangan Jemaah Menteri berhubung pengecualian kod etika pakaian bagi perkhidmatan barisan hadapan seperti fasiliti kesihatan dan keselamatan.

Jurucakap Kerajaan MADANI, Datuk Fahmi Fadzil, berkata mesyuarat Kabinet semalam, mencadangkan supaya beberapa per-

khidmatan barisan hadapan, termasuk balai polis dan premis kerajaan tertentu diberi pengecualian daripada Surat Pekeliling KSN bertarikh 1 Disember 2020.

Beliau berkata, cadangan itu susulan isu tular melibatkan seorang individu yang tidak dibenarkan memasuki balai polis untuk membuat laporan kerana pakaian yang tidak mematuhi etika

yang ditetapkan.

“KSN akan meneliti pekeliling berkenaan dan melakukan beberapa penambahbaikan. Kenyataan lanjut serta pekeliling baharu akan dikeluarkan selepas penelitian selesai,” katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi, menegaskan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berpandangan bahawa tiada halangan wajar dikenakan terhadap individu yang ingin membuat laporan polis dalam situasi keselamatan.

Kelmarin, Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar, dilaporkan berkata seorang wanita tidak dibenarkan memasuki pekarangan sebuah ibu pejabat po-

lis daerah (IPD) pada Isnin lalu kerana melanggar etika berpakaian yang ditetapkan di premis kerajaan.

Wanita berusia lingkungan 20-an itu datang bersama ibunya untuk membuat laporan kemalangan jalan raya, namun tidak dibenarkan masuk kerana skirt yang dipakai lebih pendek daripada paras lutut. BERNAMA